

Publication: Berita Harian (Page 10)
 Date: 14 May 2012
 Headline: Satu-satunya pelajar perempuan muncul terbaik kursus kejuruteraan

Satu-satunya pelajar perempuan muncul terbaik kursus kejuruteraan

BELIAU ibarat mawar antara duri.

Dalam kelasnya seramai 20 orang, Nurzahidah Mohamed Yusoff, adalah satu-satunya pelajar wanita.

Namun, sepanjang tiga tahun pengajian di Politeknik Singapura, beliau membuktikan wanita juga boleh menandingi lelaki dalam bidang yang lazimnya dikuasai kaum Adam iaitu bidang kejuruteraan.

Nurzahidah, 21 tahun, muncul sebagai antara pelajar cemerlang Politeknik Singapura dengan gred mata purata (GPA) 4 – mata terbaik yang boleh diperolehi pelajar.

Ditemui *Ekstra*, pelajar Diploma Kejuruteraan Elektronik dan Elektrikal itu, yang menyertai SP daripada Madrasah Wak Tanjung, berkata beliau memang berminat dalam kursus yang “banyak menggunakan tangan” atau ‘hands on’.

“Pada mulanya saya pilih kursus Teknologi Maklumat (IT). Namun, apabila saya dapat kursus kejuruteraan lebih banyak unsur *hands on*, saya terus menukar pilihan,” ujarnya, yang mengambil pengkhususan dalam kejuruteraan aerospace dan telekomunikasi.

Menjelaskan kecenderungannya itu, Nurzahidah, anak ketiga daripada lima beradik, berkata beliau memang berminat dalam mata pelajaran praktikal seperti matematik dan sains sejak di bangku sekolah lagi.

“Subjek kesusasteraan banyak unsur falsafah, teori dan sebagainya. Saya lebih suka sesuatu yang nyata, antara hitam dan putih, seperti matematik dan sains,” tambah penerima biasiswa SP itu.

Namun, kejayaan Nurzahidah tidak datang bergolek. Beliau perlu menempuh cabaran penting semasa menyertai SP.

Dengan sekitaran yang berbe-



CENDERUNG BIDANG PRAKTIKAL: Nurzahidah memilih bidang kejuruteraan kerana lebih suka kursus yang banyak “menggunakan tangan”. Beliau mendapat GPA sempurna 4, dan ditawarkan biasiswa penuh SIT. – Foto M.O. SALLEH

za dengan madrasah, selain menjadi satu-satunya pelajar wanita, beliau memerlukan sedikit masa untuk menyesuaikan diri.

“Namun, alhamdulillah, berkat doa keluarga dan juga teman-teman yang mudah mesra di SP, boleh katakan proses menyesuaikan diri itu agak pantas bagi saya,” katanya.

Menjelang majlis penyampaian sijilnya pertengahan bulan ini, Nurzahidah telah pun ditawarkan tempat dan biasiswa penuh daripada Institut Teknologi Si-

ngapura dalam kursus Kejuruteraan Elektrikal dan Teknologi Infokom.

Ditanya mengenai rancangan masa depannya, Nurzahidah berkata walau beliau minat dengan bidang kejuruteraan, namun beliau telah membuat keputusan untuk menjadi seorang guru selepas tamat pengajian nanti.

Cita-citanya itu didorong oleh dua orang tuanya, yang juga merupakan guru.

Sejak sekian lama, beliau memang berminat dalam kerja-kerja

kemasyarakatan dan membantu mereka yang memerlukan. Di SP, beliau adalah anggota Kelab Khidmat Kebajikan.

Lantas, menjadi seorang guru adalah sesuatu yang semula jadi baginya.

“Sebagai seorang Muslim, saya rasa satu amanah untuk membantu orang yang memerlukan dan menyumbang tenaga saya ke arah kebaikan.”

“Menjadi seorang guru memenuhi ciri-ciri ini,” ujarnya. –

Oleh NAZRI HADI SAPARIN
(mhadi@sph.com.sg)